



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**  
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL**  
**PENGGUNA**

SEMPENA

**PROGRAM PENYERAHAN BANTUAN PROGRAM FOOD BANK**  
**MALAYSIA KEPADA PENDUDUK SUNGAI KOYAN**

PADA

**20 FEBRUARI 2021 (SABTU)**

TEMPAT

**PEJABAT JKKK KAMPUNG FELDA SUNGAI KOYAN DUA, SUNGAI**  
**KOYAN, KUALA LIPIS, PAHANG**

Salam Sejahtera,

## **SALUTASI**

*(Akan disediakan ketika majlis)*

## **ALUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir dan terlibat dengan Program Penyerahan Bantuan Program Food Bank Malaysia kepada DUN Jelai pada hari ini.
2. Program Food Bank Malaysia (PFBM) ini adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bertujuan untuk **membantu meringankan kos sara hidup rakyat selain mengurangkan pembaziran makanan yang masih boleh dimakan.**

3. Sehingga **Januari 2021**, seramai **624,445 ahli isi rumah** telah berjaya mendapat manfaat daripada Program ini.

**Para hadirin sekalian,**

4. Seramai **200 ketua isi rumah** telah dikenalpasti akan mendapat manfaat daripada bantuan Food Bank pada hari ini. Antara makanan yang telah disumbangkan adalah makanan kering, bahan masakan dan minuman yang sedikit sebanyak dapat membantu kelangsungan kehidupan harian.
5. Pihak Kementerian amat berbesar hati dengan sumbangan makanan yang diberikan oleh syarikat-syarikat penyumbang iaitu:
  - i. **Mamee-Double Decker Distribution (M) Sdn. Bhd.**
  - ii. **Gentle Supreme Sdn. Bhd.**
  - iii. **Fraser & Neave Holdings Bhd.**
  - iv. **Morris Food Ind. Sdn. Bhd.**

- v. Legasi Z Sufi Group of Co.**
- vi. Indadi Utama (M) Sdn. Bhd.**
- vii. Crispo-Tato Sdn. Bhd.**
- viii. Medipro Sdn. Bhd.**
- ix. Central Sugars Refinery Sdn. Bhd.**
- x. Vinda Group SEA**

6. Antara makanan yang telah disumbangkan adalah makanan kering, bahan masakan dan minuman yang sedikit sebanyak dapat membantu kelangsungan kehidupan harian terutama kepada keluarga yang terkesan dengan bencana banjir baru-baru ini dan pandemik Covid-19.
  
7. Kementerian amat mengalu-alukan penglibatan para pemain industri peruncitan dan pengedaran dan ingin mengajak lebih ramai lagi syarikatsyarikat di bawah seliaan KPDNHEP dalam program menyantuni rakyat di pelbagai platform yang disediakan oleh Kementerian.

8. Sebagai mempertingkatkan usaha dalam mendapatkan lebih ramai penyumbang dari kalangan industri, Kementerian telah mengambil inisiatif mewujudkan **Akta Perlindungan Penderma Makanan 2020 (AKPM2020)** yang telah diwartakan pada 13 Mac 2020. Akta ini bertujuan untuk menggalakkan sumbangan makanan kepada golongan yang memerlukan dengan meredakan kebimbangan penderma-penderma, terutamanya pihak industri terhadap risiko tindakan undang-undang sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.
  
9. Sebagai penambah-baikkan kepada inisiatif ini, teknologi mesin “**Retort**” juga akan dilaksanakan pada tahun ini dengan projek perintis akan dimulakan di Hotel Seri Malaysia di Perlis dan Hotel Primula di Terengganu. Teknologi ini merupakan satu langkah inovatif untuk menyelamatkan dan meningkatkan jangka-hayat lebihan makanan (yang masih baik dan belum disentuh) daripada industri perhotelan yang akan dikumpul dan diproses

menggunakan teknologi “retort” sebelum diagihkan kepada penerima kumpulan sasar.

10. Saya percaya dengan penggabungan Akta dan teknologi ‘Retort’ serta sambutan dari pihak industri, Kementerian yakin dapat mencapai objektif Pembaziaran Makanan Sifar dan satu hari nanti **#ZEROFOODWASTE** dilestarikan sebagai budaya hidup rakyat Malaysia.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

11. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan bekerjasama untuk program ini serta pihak DUN Jelai atas kesudian menerima kunjungan pihak KPDNHEP.

Sekian. Terima kasih.